

**ELEMEN DAN STRUKTUR TEATRIKAL DALAM
UPACARA *AHULIR* ETNIK MURUT TAHOL DI
SABAH**



MESTRAH BINTI LAUK

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

**ELEMEN DAN STRUKTUR TEATRIKAL DALAM
UPACARA *AHULIR* ETNIK MURUT TAHOL DI
SABAH**

MESTRAH BINTI LAUK

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **ELEMEN DAN STRUKTUR TEATRIKAL DALAM UPACARA AHULIR ETNIK MURUT TAHOL DI SABAH**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**

Saya **MESTRAH BINTI LAUK**, Sesi **2015-2018**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD



MESTRAH BINTI LAUK
MA1411115T


Tarikh : 23 Mac 2018

Disahkan Oleh,


NURULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)



(Encik Sharifuddin Zainal)
Penyelia Utama



(Dr. Humin Jusilin)
Penyelia Bersama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 Februari 2018



Mestrah binti Lauk
MA1411115T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : MESTRAH BINTI LAUK
NO. MATRIK : MA1411115T
TAJUK : **ELEMEN DAN STRUKTUR** TEATRIKAL DALAM
UPACARA *AHULIR* ETNIK MURUT TAHOL DI SABAH
IJAZAH : SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)
TARIKH VIVA : 29 OGOS 2017

DISAHKAN OLEH;



1. PENYELIA UTAMA
Encik Sharifuddin Zainal

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA
Dr. Humin Jusilin

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan buat kedua-dua orang penyelia saya, iaitu Encik Sharifuddin bin Zainal dan Dr. Humin Jusilin atas tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Penghargaan ini juga dirakamkan kepada Prof. Dr. Ismail Ibrahim, Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, dan semua pensyarah di Blok Seni, khususnya Puan Ismaliza Ishak serta semua pensyarah dalam bidang Seni Kreatif atas sokongan dan dorongan yang diberikan sepanjang menyiapkan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua informan yang telah banyak membantu semasa kerja lapangan dijalankan di Kampung Balaron. Tanpa mereka, kajian ini tidak dapat dijalankan dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas Biasiswa MYBRAIN yang telah ditawarkan. Penghargaan juga saya ucapkan buat kawan-kawan yang sudah membantu sepanjang menyiapkan penyelidikan ini, khususnya Normadiah@Atun Nasir, Yeon@Amsalib dan Siti Rahmas Bedu. Terima kasih atas dorongan kalian sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Buat ayah, ibu, adik-beradik dan keluarga tersayang, kekuatan dan ketabahan dalam menempuhi segalanya sepanjang pengajian adalah dari kalian yang menguatkan semangat untuk meneruskan azam menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih tidak terhingga kepada keluarga tersayang. Kepada individu yang tidak kenal erti putus asa dalam memberi kata sepanjang penyelidikan ini dijalankan, Francis bin Bing, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Sesungguhnya, pujian dan syukur hanya untuk Tuhan kerana dengan izin-Nya dapat diselesaikan penyelidikan ini. Segala kekurangan datang daripada saya sendiri. Sekian, terima kasih.

Mestrah binti Lauk
10 Februari 2018

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji pantang larang dan elemen teatrical dalam upacara Ahulir Etnik Murut Tahol di Sabah. Ahulir merupakan upacara berkabung yang dilaksanakan selepas berlakunya kematian dalam masyarakat Etnik Murut Tahol di Kampung Balaron Sapulut, Nabawan. Peredaran masa yang semakin moden ini menyebabkan upacara tersebut yang dulunya dipatuhi struktur upacaranya telah berubah dan dimodenkan serta diselaraskan dengan amalan agama. Penyesuaian yang baharu ini semakin melenyapkan upacara Ahulir yang sebenar kerana pengamal upacara tersebut semakin hari semakin sirna. Melalui kerja lapangan (fieldwork methodology) bersifat etnografi dilakukan untuk mengumpul bahan kajian. Pengkaji menggunakan data-data kualitatif dengan menggunakan teori enam elemen dramati Aristotle sebagai pendekatan. Kajian ini mendapati beberapa pantang larang dan elemen teatrical dalam upacara Ahulir yang bukan sahaja sebagai upacara tetapi boleh dimainkan sebagai sebuah teater. Kajian ini penting sebagai dokumen warisan etnik Murut. Keistimewaan dan keunikan yang tersirat dalam upacara Ahulir, khususnya dalam konteks persembahan dapat dibangunkan semula, boleh ditatap dan dihayati oleh masyarakat khususnya generasi muda etnik Murut.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

TABOO AND THEATRICAL ELEMENTS IN THE AHULIR CEREMONY OF ETHNIC MURUT TAHOL IN SABAH

This study identifies the taboo and theatrical element in the Ahulir ceremony of Murut Tahol ethnic in Sabah. Ahulir is a mourning ceremony performed after the death of a Murut ethnic group in Kampung Balaron Sapulut, Nabawan. The increasingly modern era of circulation led to the ceremony which was once followed by the structure of the monastery which had changed and modernized and co-ordinated with religious practices. This new costumization has wiped out the true ritual of Ahulir because the ritual practitioner is getting worse. Fieldwork ethnographic is carried out to collect the study material. The researcher uses qualitative data by using the theory of Aristotle dramatic as an approach. This study found some taboo and theatrical element in ceremony that is not only a ceremony but can be played in a theater. This study is important for Murut ethnic heritage documents. This distinctive features and uniqueness of the Ahulir ritual, especially in the context of performances. An be rebuilt, envisioned and appreciated by the people, especially the younger generation of Murut ethnic groups.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI PETA	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Soalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	6
1.7 Penutup	8

BAB 2: SOROTAN LITERATUR	9
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Agama Sebagai Tunjang dalam Ritual Kematian	11
2.3 Ritual dan Adat Kematian Secara Umum	13
2.4 Adat dan Ritual di Sabah	17
2.5 Etnik Murut: Satu Pengenalan	20
2.6 Adat dan Ritual Kematian <i>Ahulir</i> dalam Masyarakat Murut	23
2.7 Pengenalan Upacara Adat Kematian <i>Ahulir</i>	27
2.8 Upacara Ritual sebagai Permulaan Kepada Seni Persembahan	30
2.9 Pendekatan Enam Elemen Dramatik Aristotle	34
2.10 Penutup	36
BAB 3: METODOLOGI	37
3.1 Pengenalan	37
3.2 Carta Alir Penyelidikan	38
3.3 Reka Bentuk Kajian	39
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	41
3.4.1 Kampung Balaron Mukim Sapulut, Nabawan	43
3.5 Kaedah Kajian	47
3.5.1 Kutipan Data	47
3.5.2 Analisis Data	65
3.5.3 Paparan Data	67
3.6 Penutup	67
BAB 4: ANALISIS UPACARA ADAT KEMATIAN <i>AHULIR</i> ETNIK MURUT TAHOL	68
4.1 Pendahuluan	68
4.2 Struktur Upacara Ritual Kematian <i>Ahulir</i>	69
4.2.1 Struktur Upacara Ritual Kematian <i>Ahulir</i> (Lelaki)	69
4.2.2 Struktur Upacara Ritual Kematian <i>Ahulir</i> (Perempuan)	83

4.3	Pantang Larang Dalam Upacara <i>Ahulir</i> dan Fungsinya	93
4.3.1	Pantang Larang sebelum Upacara Adat Kematian <i>Ahulir</i> dilaksanakan	94
4.3.2	Pantang Larang semasa Upacara dilaksanakan	98
4.3.3	Pantang Larang selepas Upacara dilaksanakan	101
4.4	Elemen-elemen Teaterikal Aristotle dalam Upacara Ritual <i>Ahulir</i>	102
4.4.1	Teori Dramatik	103
4.4.2	Prinsip Teater Peter Brooke	115
4.5	Penutup	116

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN	118
------------------------------------	-----

BIBLIOGRAFI	124
--------------------	-----

GLOSARI	129
----------------	-----

LAMPIRAN	133
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Pecahan Penduduk mengikut Kaum	43
Jadual 3.2 : Senarai Informan secara Umum di Kampung Balaron, Sapulut Nabawan	53
Jadual 3.3 : Senara Informan Utama di Kampung Balaron, Sapulut Nabawan	55
Jadual 3.4 : Soalan Berstruktur dan Soalan Tidak Berstruktur	62
Jadual 4.1 : Struktur Upacara <i>Ahulir</i> (Lelaki)	80
Jadual 4.2 : Struktur Upacara <i>Ahulir</i> (Perempuan)	90
Jadual 4.3 : Penerapan Prinsip Teater (Brooke) di dalam Struktur <i>Ahulir</i>	116



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Carta Alir Penyelidikan	39
Rajah 1.2 : Reka Bentuk Kajian	41
Rajah 1.3 : Kerangka Analisis Data	66



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 4.1 : <i>Ahung</i> Tambaga (gong yang dipalu semasa mengeringi Pengebumian)	70
Gambar 4.2 : Peralatan yang disediakan semasa Upacara <i>Amalunca</i>	73
Gambar 4.3 : Bahan-bahan yang diletakkan dibekas Tempat Keranda Si Mati Selepas Pengebumian	74
Gambar 4.4 : <i>Tatahanau</i> (Barang-barang Keperluan Si Mati Semasa Hayatnya)	77
Gambar 4.5 : <i>Pananavang ra apui</i> (Keperluan yang dibawa oleh Anak Menantu sebagai Simbolik Menamatkan Upacara <i>Ahulir</i>)	78
Gambar 4.6 : Gelangang Sabung Ayam	80
Gambar 4.7 : Watak Balu	105
Gambar 4.8 : Gong sebagai Alat Muzik	110



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1 : Peta Daerah Nabawan	42



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Senarai Informan Utama	133
Lampiran B : Senarai Informan secara Umum	134
Lampiran C : Keperluan semasa Persembahan Upacara Adat Kematian <i>Ahulir</i>	135



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Upacara ritual¹ merupakan salah satu alternatif masyarakat untuk menyembuhkan, melindungi dan dipercayai tidak dapat menggunakan kaedah moden. Kepercayaan mereka terhadap amalan ritual serta kaitannya dengan ilmu magis adalah sebahagian daripada budaya masyarakat tradisional di Malaysia dan ini sangat berkait rapat dengan peranan ketua seperti pawang (Haliza, 2000: 16). Ritual kebanyakannya menggunakan perantara untuk menghubungkan dunia nyata dan dunia ghaib. Dalam proses komunikasi dua alam ini, pelbagai aksi dan simbol digunakan untuk menyelesaikan konflik dan mencapai keseimbangan. Apabila tamadun masyarakat mula berkembang, kegiatan ritual yang awalnya hanya berfungsi untuk kelangsungan budaya mula dipersembahkan diluar kedudukannya sebagai ritual, yang membawa kepada berkembangnya aksi ritual sebagai sebuah tontonan umum.

Harrison (1927: 41) menyatakan bahawa aksi-aksi dramatik sebenarnya berasal daripada imitasi kaum primitif. Beliau merujuk kepada hubungan semantik antara istilah Greek untuk ritual iaitu *dromenon* dan juga istilah drama, keduanya ditarik daripada kata dasar yang bermaksud 'to do' (melakukan). Menurut Harrison, istilah drama ini wajar digunakan untuk menggambarkan aksi-aksi tertentu, contohnya persembahan yang berlaku di atas pentas dan termasuklah aktiviti ritual. Beberapa amalan ritual telah mengalami transformasi menjadi sebuah teater tradisional sebelum ia mula dikaji menggunakan pendekatan kontemporari².

¹ Tatacara dalam upacara keagamaan, adat dan sebagainya.

² Pada masa yang sama, semasa atau sesama dengan seseorang atau sesuatu, pada masa kini.

Teater tradisional Mak Yung merupakan contoh yang sangat terkenal, bermula sebagai sebuah ritual perubatan masyarakat Kelantan, kini dibangunkan semula sebagai sebuah seni persembahan. Perubahan yang berlaku dalam seni Mak Yung ini merupakan rangka paling hampir yang mencetuskan usaha kajian tentang upacara *Ahulir*³ ini.

Kajian ini adalah satu inisiatif untuk melihat ritual *Ahulir* daripada aspek yang berlainan. Akan dijalankan analisis dari struktur⁴ dan aspek-aspek teatrikal bagi membolehkan *Ahulir* dilihat daripada dimensi seni persembahan, kerana fungsinya sebagai ritual sudah tidak diamalkan lagi. *Ahulir* merupakan upacara berkabung selepas berlakunya kematian dalam kalangan masyarakat etnik Murut Tahol di Sabah. Upacara ini merupakan ritual yang tidak popular dalam sejarah adat dan kebudayaan etnik Murut masa kini. Hal ini disebabkan oleh kemajuan ketamadunan manusia dan tidak terkecuali masyarakat Murut masa kini juga sudah mengalami transformasi dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Generasi masa kini tidak lagi mementingkan upacara-upacara yang diamalkan sejak turun-temurun dari nenek moyang sebagai ritual yang penting tetapi hanya diwarisi sebagai budaya bagi mengekalkan identiti masyarakat tersebut.

Secara umumnya, upacara *Ahulir* merupakan upacara adat dan ritual yang dijalankan dalam pelbagai versi oleh masyarakat etnik Murut di daerah yang berlainan. Perbezaan-perbezaan kecil dan besar sudah pasti wujud tetapi tumpuan utama kajian ini adalah ke atas pantang larang dan elemen teatrikal yang terkandung di dalam upacara tersebut. Kajian ini telah dilaksanakan mengikut kemampuan kelompok masyarakat pengamal yang dipilih. Oleh kerana pada masa kini upacara ritual *Ahulir* tidak lagi dipraktikkan oleh masyarakat moden, maka pengkajian hanya berdasarkan kepada cerita dan pengalaman informan semasa kajian lapangan dijalankan. Walau bagaimanapun, segala analisis yang dilakukan telah sedaya upaya diperincikan dengan tepat menuruti susun atur ritual yang sebenar, berdasarkan maklumat kelompok masyarakat pengamal itu sendiri dan juga hasil temubual ke atas informan yang terpilih. Fokus yang terpenting dalam

³ Upacara berkabung selepas berlakunya kematian dalam masyarakat etnik Murut di Sabah.

⁴ Cara sesuatu terbina atau terbentuk daripada pelbagai bahagian, unsur, atau aspek hingga menjadi sesuatu pola, sistem atau bentuk tertentu. Pola sesuatu organisasi atau masyarakat yang terbentuk atau tersusun daripada pelbagai unsur yang mempunyai hubungan kait antara satu dengan lain.

pengkajian ini adalah menempatkan *Ahulir* sebagai sebuah drama sosial⁵ dalam konteks ritual masyarakat Murut Tahol di Sabah.

1.2 Permasalahan Kajian

Menerusi penglibatan pengkaji dalam beberapa bentuk persembahan teater, pengkaji mendapati elemen tradisional yang ditonjolkan dalam skop kesenian ini, mempunyai banyak persamaan dengan upacara ritual *Ahulir*. Tidak dapat dinafikan faktor jati diri pengkaji sebagai anak keturunan Murut merupakan dorongan untuk memulakan penyelidikan ini. Sepanjang pengalaman membesar dan menggauli akar budaya komuniti Murut, pengkaji tidak pernah mengetahui kewujudan sebarang elemen⁶ teaterikal⁷ dalam kamus hidup berbudaya masyarakat ini. Aspek budaya yang kerap kali dibincangkan terbatas kepada adat, nilai, norma dan ritual komuniti, manakala apabila bercakap mengenai kesenian, tumpuan lebih diberikan kepada seni tari, muzik dan visual seperti motif dan corak Murut.

Oleh sebab sistem kehidupan dalam masyarakat Murut Tahol sudah berubah mengikut peredaran zaman dan generasi muda etnik Murut Tahol mula menerima pendidikan dan ajaran agama, serta sistem teknologi yang semakin membangun dan menyedarkan mereka, menyebabkan upacara selepas kematian *Ahulir* ini merupakan upacara yang semakin pupus dalam kalangan etnik Murut Tahol di kampung Balaron, Nabawan Sabah. Tinjauan awal yang telah dijalankan, kebanyakan pelaku upacara adat selepas kematian *Ahulir* telah berkurangan dan anggota etnik Murut Tahol di kampung tersebut yang berusia 40 tahun ke bawah, jika ditanyakan hal-hal berkenaan asal usul ritual ini, didapati tidak begitu arif tentangnya. Oleh itu, adat tersebut yang dulunya sangat dipatuhi pantang larang dalam struktur upacaranya telah berubah dan dimodenkan serta diselaraskan dengan amalan agama. Selain itu, penyesuaian yang baharu ini semakin melenyapkan upacara adat kematian *Ahulir* yang sebenar.

⁵ Karya yang dipersembahkan berkaitan dengan kemasyarakatan

⁶ Sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur

⁷ Segala sesuatu yang berkaitan dengan teater

Bersesuaian dengan sifatnya sebagai sebuah penyelidikan ilmiah, analisis yang dilakukan didasari dengan pendekatan-pendekatan akademik. Teori-teori yang digunakan sebahagian besarnya merujuk kepada ahli teori Barat kerana mereka menghasilkan dan menyebarkan dokumentasi penyelidikan lebih awal dan secara prolif⁸. Pengkaji tertumpu kepada pendekatan-pendekatan yang dikemukakan oleh ahli teori seperti Aristotle, Victor Turner, Richard Schechner, dan beberapa nama lain. Turut menjadi asas rujukan yang sangat penting dalam kajian ini ialah Mohd Ghouse Nasruddin, Low Kok On, Ismail Ibrahim dan Marlenny Deenerwan serta beberapa penulis yang lain sebagai pengkaji dan ahli akademik dari Asia dan Malaysia.

Penyelidikan ini adalah satu inisiatif untuk melihat ritual *Ahulir* daripada aspek atau sudut pandang yang berlainan. Analisis aspek-aspek teaterikal yang dijalankan ke atas upacara *Ahulir* bertujuan membingkaikan upacara tersebut sebagai sebuah teater dalam konteks ritual. Ini membolehkan *Ahulir* dilihat daripada dimensi drama sosial memandangkan fungsinya sebagai sebuah ritual selepas adanya kematian kini tidak lagi dipraktikkan.

1.3 Soalan Kajian

- 1.3.1 Bagaimana upacara *Ahulir* dilaksanakan?
- 1.3.2 Apakah pantang larang yang terdapat dalam upacara adat kematian *Ahulir* masyarakat Murut Tahol?
- 1.3.3 Apakah elemen teaterikal yang terdapat dalam upacara adat kematian *Ahulir* masyarakat Murut Tahol?

⁸ Banyak menghasilkan karya, banyak hasil tulisannya

1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini ialah:

- 1.4.1 Mendokumentasi upacara adat kematian *Ahulir* masyarakat etnik Murut Tahol.
- 1.4.2 Memperincikan pantang larang dalam upacara adat *Ahulir* masyarakat etnik Murut Tahol.
- 1.4.3 Menganalisis elemen teatrical dalam pelaksanaan upacara adat *Ahulir* masyarakat etnik Murut Tahol.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan sebagai langkah memelihara keaslian upacara adat kematian *Ahulir* masyarakat etnik Murut Tahol. Dewasa ini, keaslian dalam melaksanakan upacara adat kematian *Ahulir* sudah sirna dan semakin ditinggalkan oleh generasi masa kini. Hal ini disebabkan oleh peredaran masa yang semakin moden menyebabkan adat tersebut yang dulunya sangat dipatuhi struktur upacaranya telah berubah dan dimodernenkan serta diselaraskan dengan amalan agama. Oleh itu, kajian ini penting sebagai pelestarian atau perlindungan keaslian upacara adat *Ahulir* dengan mengekalkan aturcara dalam upacara kematian tersebut dalam drama sosial.

Selain itu, ia juga sebagai satu langkah pendokumentasian konsep persembahan dan asal usul upacara *Ahulir* sebagai ritual yang dijalankan selepas adanya kematian dalam masyarakat etnik Murut. Usaha sebegini akan mengabadikan keaslian upacara kematian ini dan pasti tidak akan hilang daripada etnik Murut yang semakin moden dalam menjalani kehidupan seharian. Ia boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bukan sahaja masyarakat Murut masa kini, secara tidak langsung, kajian ini juga boleh menjadi rujukan kepada generasi akan

datang, serta pengkaji-pengkaji semasa khususnya di sektor pengajian tinggi. Pengkaji ingin mengabadikan segala keistimewaan dan keunikan yang tersirat dalam adat *Ahulir*, khususnya dalam konteks persembahan ke dalam bentuk tulisan agar ianya tidak hilang dan dilupakan serta dapat dibangunkan semula, boleh ditatap dan dihayati oleh masyarakat khususnya generasi muda etnik Murut.

Penyelidikan terhadap adat kematian masyarakat etnik Murut sudah dijalankan dalam pebagai versi dari pengkaji-pengkaji lepas dari sub etnik Murut di daerah yang berlainan. Tetapi tumpuan utama kajian ini adalah ke atas pantang larang dan elemen teatrical yang terkandung di dalam struktur ritual *Ahulir*. Penyelidikan ini penting untuk memulakan satu topik perbincangan yang baharu dalam konteks seni dan budaya masyarakat Murut agar ianya disedari oleh masyarakat tersebut bahawa *Ahulir* dapat dianalisis sebagai sebuah seni persembahan.

1.6 Skop dan Limitasi Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpuh kepada upacara *Ahulir* di Kampung Balaron Sapulut, Nabawan, Sabah. Pengkaji telah menemui kelompok masyarakat yang tinggal di Kampung tersebut untuk tujuan kajian upacara ini. Berdasarkan kepada latar belakang penduduk Kampung Balaron, kelompok masyarakat tersebut merupakan keturunan Murut Tahol. Faktor pemilihan terhadap kelompok masyarakat di Kampung Balaron adalah kerana faktor komitmen mereka dan kelompok tersebut merupakan kelompok masyarakat yang terakhir menggunakan ritual *Ahulir* selepas berlakunya kematian pada tahun 1995 (Boronoh Rantis, Ketua Kampung Balaron). Oleh itu, lokasi kajian yang utama dibataskan hanya di Kampung Balaron Sapulut sahaja.

Penduduk di Kampung Balaron bersetuju memberikan kerjasama dalam usaha penyelidikan ini setelah memahami tujuan kajian ini diadakan. Terdapat beberapa perkara yang diambil perhatian oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian, terutamanya mengenai perbezaan-perbezaan yang wujud dalam

penggunaan istilah. Oleh kerana komuniti Murut merupakan etnik ketiga majoriti di Sabah, maka taburan penduduknya sangat luas. Sub etniknya terbahagi kepada pecahan tersendiri dan setiap satunya mempunyai nama yang berlainan. Oleh sebab itu terdapat banyak dialek berbeza untuk menerangkan perkara yang sama (Ismail Ibrahim, 2012). Begitupun, apabila pengkaji memetik sumber kajian daripada mana-mana pengkaji terdahulu, apa sahaja istilah dan dialek yang telah digunakan dalam kajian berkenaan perlu dikekalkan.

Skop penyelidikan ini ditumpukan sepenuhnya terhadap kelompok penduduk Kampung Balaron serta aktiviti yang dilakukan oleh mereka. Mereka sudah memeluk agama Kristian dan tidak lagi mempraktikkan upacara *Ahulir*, tetapi untuk tujuan penyelidikan ini, mereka bersetuju untuk bekerjasama dalam menjayakan kajian berkenaan.

Pengkaji mempunyai kefahaman berdasarkan pernyataan informan bahawa setiap upacara kematian daerah yang berlainan mengamalkan cara yang berbeza walaupun objektif upacara adalah sama. Justeru untuk tujuan penyelidikan ini, ia dibataskan kepada cara yang dijalankan oleh amalan kelompok penduduk masyarakat Murut Tahol di Kampung Balaron Sapulut, Nabawan Sabah.

Sebanyak 62 buah kampung di Mukim Sapulut⁹, tetapi hanya kampung Balaron sahaja yang dipilih sebagai lokasi kajian utama dalam menjalankan kerja lapangan. Pengkaji memilih Kampung ini sebagai lokasi kajian kerana masih terdapat kelompok orang-orang tua yang berpengalaman hidup di kampung ini biarpun ritual *Ahulir* sudah tidak dilaksanakan lagi. Lebih daripada itu, penduduk di kampung tersebut masih boleh memberi sumber kepada kajian. Kebanyakan kelompok masyarakat di kampung lain yang sudah ditemui sebelumnya tidak lagi mengingati akan proses ritual ini.

⁹ Sumber: Pejabat Daerah Nabawan 2014.

1.7 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini bertujuan untuk membuat kerja lapangan mendokumentasi dan menganalisis data yang berkaitan dengan upacara adat kematian *Ahulir* masyarakat etnik Murut Tahol Kampung Balaron yang bermukim di Sapulut, Nabawan. Kampung ini merupakan lokasi kajian yang telah dipilih kerana disebabkan oleh beberapa faktor iaitu, masyarakat yang menduduki kawasan kampung tersebut merupakan masyarakat yang berketurunan etnik Murut Tahol dan dipercayai arif tentang pelaksanaan serta struktur upacara adat kematian *Ahulir*.

Kajian ini memberikan tumpuan penuh ke atas *Ahulir*, iaitu sebuah ritual kematian etnik Murut di Sabah. Umumnya dalam kalangan masyarakat silam, ritual kematian ini berfungsi untuk mencapai keseimbangan hubungan antara makhluk nyata (manusia) dan tidak nyata (makhlik halus/ghaib). Pelbagai aksi dan simbol digunakan untuk menyelesaikan konflik dan mencapai keseimbangan. Oleh itu, penyelidikan ini adalah untuk mengetahui kewujudan sebarang elemen teaterikal dalam upacara *Ahulir* agar kegiatan ritual yang awalnya hanya berfungsi untuk kelangsungan budaya dapat dipersembahkan diluar kondisi ritual, untuk membawa kepada perkembangan aksi ritual sebagai sebuah tontonan umum.